

BENGKEL PEMURNIAN- BANTU SPU REALISASIKAN IMPIAN HUMS

27-29 Mac 2009: Sekolah Perubatan telah mengadakan satu bengkel pemurnian khas bagi melengkapkan kertas kerja untuk kelulusan pembinaan hospital pengajar yang ditadbir oleh UMS. Penubuhan HUMS merangkumi perkhidmatan cemerlang perubatan kepada masyarakat, keperluan untuk menghasilkan program UMS yang berkapasiti lebih besar, di peringkat sarjana dan penghasilan ilmu perubatan hasil dari aktiviti penyelidikan yang cemerlang. Bengkel tersebut dijalankan untuk memurnikan lagi aspek-aspek yang memerlukan lebih penelitian daripada pelbagai pihak. En. Nik Nasir Nik Ab. Majid wakil dari EPU, Kuala Lumpur telah dijemput bagi memberikan input-input yang berguna sepanjang bengkel ini dijalankan. En. Awang Suhaizam Bungso, Pn Awina Kamis, Pn Jumiati Pajakkai dari Jabatan Pendaftar, UMS dan En Ir Roslee Mohd Ali dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan juga dijemput hadir untuk menjayakan bengkel tersebut. Bengkel ini telah dibahagikan kepada 3 kumpulan utama iaitu kumpulan justifikasi, kumpulan pembangunan & logistik dan kumpulan sumber manusia. Selama 3 hari 2 malam setiap kumpulan bertungkus lumbung menyiapkan skop masing-masing bagi memastikan kertas kerja ini siap sepenuhnya. Semoga, dengan adanya hospital pengajar yang ditadbir oleh UMS maka secara langsung ianya akan memenuhi keperluan dan aspirasi secara keseluruhan rakyat negeri Sabah.